

Dikemas kini pada 15 Januari 2021

PROMOSI 6-BULAN DEPOSIT TETAP/DEPOSIT TETAP-i

TEMPOH PROMOSI

“Promosi 6-bulan Deposit Tetap/Deposit Tetap-i” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad 193401000023 (97141-X) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“HLISB”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 11 Februari 2021 dan berakhir pada 26 Februari 2021, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai jumlah saiz dana seperti yang dinyatakan dalam Klausus 11 di bawah, mengikut mana-mana yang dahulu (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi di bawah:-

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan Bank yang baru dan sedia ada yang merupakan individu dan bukan individu, warga Malaysia dan bukan warga Malaysia (“Pelanggan”).
2. Bagi mengelakkan sebarang keraguan:
 - (i) Pelanggan baru bermaksud pelanggan yang tidak mempunyai sebarang Produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi.
 - (ii) Pelanggan sedia ada bermaksud pelanggan yang mempunyai sebarang Produk dengan Bank sebelum Tempoh Promosi.
 - (iii) Pelanggan bukan individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan keuntungan, pemilikan tunggal, perkongsian dan amalan profesional yang sempurna didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan badan korporat**.
3. Akaun Deposit Tetap/Deposit Tetap-i (“FD/FD-i”) serta (“Akaun FD/FD-i Sertaan”) untuk Promosi ini adalah seperti berikut:-
 - (a) FD Konvensional;
 - (b) FD Senior Saver Flexi;
 - (c) FD Priority Banking Premium;
 - (d) FD Junior; dan
 - (e) Deposit Tetap-i.
4. Promosi ini sah bagi Dana Baru sahaja. “Dana Baru” ditakrifkan sebagai:
 - (a) Wang tunai, ‘Financial Process Exchanges’ (“FPX”), Pindahan Segera, GIRO antara bank, dana baru yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain dan deposit ke dalam Akaun FD HLB/Akaun Deposit Tetap-i HLISB (“FD/FD-i”), Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) yang baru dan sedia ada dimiliki oleh Pelanggan; dan
 - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon / sukuk dan / atau ‘Hong Leong Invest Safe’ semasa Tempoh Promosi yang dideposit semula ke dalam mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan.
5. Untuk tujuan Promosi ini, Dana Baru mesti diletakkan dan didepositkan ke dalam Akaun FD/FD-i Sertaan Pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari dari ketersediaan Dana Baru.
6. Yang berikut tidak boleh dianggap sebagai “Dana Baru”:
 - (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i dari mana-mana akaun FD HLB/FD-i HLISB yang sedia ada;
 - (b) Pindahan dana antara bank, iaitu pemindahan dana dari akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Berjangka-i atau Akaun Pelaburan Am (“GIA”)); dan
 - (c) Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
7. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal

dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.

- Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang perbuatan salah yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi

KAEDAH PROMOSI

- Untuk menikmati Kadar Promosi FD/FD-i yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan perlu membuat peletakan deposit di antara Amaun Peletakan Minimum dan Amaun Peletakan Maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah dalam Akaun FD/FD-i Sertaan (“**Amaun Peletakan FD/FD-i**”) bagi tempoh FD/FD-i yang dinyatakan dalam jadual di bawah semasa Tempoh Promosi. Deposit tersebut bermaksud “**Peletakan FD/FD-i**”.

Jadual 1

| Produk | Tempoh FD / FD-i | Kadar Promosi FD / FD-i ¹ | Amaun Peletakan Minimum | Amaun Peletakan Maksimum |
|--|------------------|--------------------------------------|-------------------------|--------------------------|
| FD Konvensional, FD Senior Saver Flexi, FD Priority Banking Premium, FD Junior, FD-i | 6-bulan | 2.20% setahun | RM10,000 | RM5,000,000 |

¹ Sekiranya perubahan pada Kadar Dasar Semalam (OPR), Kadar Promosi FD/FD-i akan disemak.

- Untuk tujuan Promosi ini, Pelanggan yang menepati semua kriteria dalam Klausus 9 akan dirujukkan sebagai “Pelanggan Layak”.

- Jumlah saiz dana untuk FD/FD-i masing-masing adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah (“Had Saiz Dana”).

| FD/FD-i | Had Saiz Dana |
|--|---------------|
| FD Konvensional, FD Senior Saver Flexi, FD Priority Banking Premium, FD Junior 6-bulan | RM350 Juta |
| FD-i 6-bulan | RM150 Juta |

- Jika Amaun Peletakan FD/FD-i melebihi Amaun Peletakan Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana masing-masing dicapai, Amaun Peletakan FD/FD-i yang melebihi Amaun Peletakan FD/FD-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar FD/FD-i semasa seperti yang ditentukan oleh Bank.

- Tiada Resit FD/FD-i akan dikeluarkan untuk setiap peletakan FD/FD-i.

- Pelanggan Layak dikehendaki menamakan CASA/CASA-i yang dikekalkan dengan Bank di bawah nama Pelanggan Layak (“**CASA/CASA-i Namaan**”) bagi tujuan mengreditkan faedah/keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini.

- Kadar faedah/keuntungan yang diperolehi bagi FD dan FD-i akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada tarikh matang kecuali yang diperolehi bagi FD Senior Savers Flexi di mana ia akan dikreditkan ke CASA Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.

- Apabila tarikh matang, Amaun pokok Peletakan FD/FD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD/FD-i masing-masing dan kadar faedah/keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Namaan Pelanggan Layak pada setiap bulan.

- Tertakluk kepada Klausus 20 di dalam ini, bagi FD Konvensional, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD Konvensional kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.

- Tertakluk kepada Klausus 20 di dalam ini, bagi FD-i, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD-i dibenarkan pada amaun minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Jika baki dalam FD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.

19. Tertakluk kepada Klausula 20 di dalam ini, bagi FD Priority Banking Premium dan FD Senior Savers Flexi, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan FD dibenarkan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** sahaja. Jika, baki dalam FD Priority Banking Premium dan/atau FD Senior Savers Flexi kurang daripada **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut.
20. Jika Amaun Peletakan FD/FD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang bagi FD/FD-i, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada faedah/keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang FD/FD-i.
21. Bank berhak menolak balik dan debit amaun setara dengan faedah/keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi Amaun Peletakan FD/FD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang, daripada Amaun pokok FD/FD-i pada masa pengeluaran.
22. Pelanggan dengan produk HLISB FD-i bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang.
23. Amaun Peletakan FD/FD-i tidak boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak. kecuali Amaun Peletakan FD digunakan sebagai cagaran untuk menjamin Kad Kredit Konvensional (iaitu Kad Credit yang dikeluarkan oleh HLB) dengan Bank. Untuk pengaturan janji tersebut, Pelanggan Layak perlu merujuk kepada halaman produk Kad Kredit dengan Deposit Tetap.
24. Promosi ini tidak sah digunakan dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

UMUM

25. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
 - (i) telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam;
 - (ii) keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pelanggan;
 - (iii) mengakses laman sesawang HLB di www.hlb.com.my/Laman Sesawang HLISB di www.hlisb.com.my (secara kolektif dirujuk sebagai "**Laman Sesawang Bank**") secara kerap untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma & Syarat;
 - (iv) faedah/keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat semacamnya; dan
 - (v) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
26. Bank berhak:
 - (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang dianggap sesuai oleh Bank daripada menyertai Promosi ini;
 - (ii) menambah, menggugurkan, mengantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian Terma & Syarat terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank, pada bila-bila masa dengan memberi notis awal; dan
 - (iii) membatakan faedah/keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat Promosi dan Terma & Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam.
27. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Umum Akaun bagi Deposit and Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Akaun e-Deposit Tetap Hong Leong, dan Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

28. Jika terdapat percanggahan antara terma dan syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka terma dan syarat muktamad dalam Laman Sesawang Bank akan diutamakan.
29. Terma & Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
30. Perkataan yang mempunyai makna satu jantina merangkumi juga semua jantina lain dan perkataan yang mempunyai makna tunggal merangkumi juga bentuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Produk Deposit/Deposit-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.